

15 MAR 1996

JMF

JMF BOLEH BUAT PENGAMBILAN ANGGOTA BARU, KATA GHANI

JOHOR BAHRU, 15 Mac (Bernama) -- Kerajaan pusat membenarkan pasukan Timbalan Setia Negeri Johor (JMF) membuat pengambilan baru bagi menambah keanggotaannya yang kini berkurangan, kata Menteri Besar Haji Abdul Ghani Othman.

Katanya beliau telah mendapatkan nasihat daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini untuk mengisi kekosongan yang terdapat dalam JMF bagi tujuan adat istiadat dan majlis rasmi.

Kabinet sudah membuat keputusan supaya kekosongan itu, yang kebanyakannya disebabkan oleh persaraan, diisi, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Abdul Ghani berkata demikian ketika diminta mengulas kedudukan sebenar JMF selepas iklan disiarkan mengenai kekosongan jawatan dalam pasukan itu kerana sebelum ini kerajaan negeri telah mengumumkan bahawa sebarang kekosongan yang terdapat dalam JMF tidak akan diisi.

"Jumlah anggota JMF kini sudah berkurangan... sehingga nak berkawad pun tidak cukup orang," katanya. Beliau menganggarkan terdapat 70 kekosongan dalam pasukan itu.

JMF yang kini mempunyai keanggotaan kira-kira 100 orang, ditubuhkan pada tahun 1885 dan ia tertakluk kepada Enakmen Johor Military Force 1915.

JMF hanya memberikan perkhidmatan tentera peribadi kepada Sultan Johor meliputi kawalan istana dan menyediakan pancaragam untuk acara rasmi yang melibatkan Sultan dan kerabat terdekat.

Penubuhan JMF dimulakan dengan warkah "Perjanjian Setia" yang ditandatangani oleh Almarhum Sultan Abu Bakar bagi pihak Kerajaan Johor dan Fredrick Arthur Stanly yang mewakili Ratu Great Britain, di Colonial Office, London pada 11 Dis 1885. -- BERNAMA

MKO RON